

**BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF**

- 1 Kombinasi yang manakah benar antara sumber dan kaedah pengurusan sumber di Malaysia?

|     | Sumber | Kaedah Pengurusan  |
|-----|--------|--------------------|
| I   | Hutan  | Silvikultur        |
| II  | Tanah  | Tanaman giliran    |
| III | Marin  | Penghalang hakisan |
| IV  | Air    | Penyahgaraman      |


- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 2 Bagaimanakah usaha pemuliharaan sumber hutan boleh dijalankan untuk pembangunan lestari di Malaysia?
- A Mewujudkan ladang hutan  
 B Pendidikan alam sekitar  
 C Penguatkuasaan undang-undang  
 D Kempen cintai alam sekitar
- 3 Apakah langkah kerajaan Arab Saudi untuk memastikan sumber air berterusan di negara di negara tersebut?
- I Penyahgaraman air laut  
 II Sumber air bawah tanah  
 III Pembenihan awan  
 IV Penuaian hujan
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV



Foto 1

- 4 Merujuk Foto 1 di atas, apakah langkah pengurusan terbaik yang boleh dilakukan agar tumbuhan tersebut terus berkekalan?
- A Mewartakan taman negara  
 B Mengamalkan kitar semula  
 C Penebangan terpilih  
 D Kempen alam sekitar

5



Peta 1

Apakah kepentingan kawasan P, Q dan R dalam peta di atas?

- I Membekalkan air domestik
- II Merupakan sumber air dari lapisan akuifer
- III Memiliki loji penyahgaraman
- IV Memperoleh sumber air dari Laut Merah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Apakah kepentingan hutan hujan tropika di Malaysia?

- I Membebaskan karbon dioksida
- II Habitat hidupan akuatik
- III Membekalkan oksigen
- IV Kawasan tadahan air
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Antara yang berikut, yang manakah sumber tenaga biomas?

- I Hampas kelapa sawit
- II Bahan api fosil
- III Arang batu
- IV Najis haiwan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Empangan Chenderoh  
Empangan Kenyir

8 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan maklumat di atas?

- I Pengairan
- II Peningkatan suhu
- III Aktiviti pelancongan
- IV Penjanaan kuasa hidroelektrik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Apakah barangan yang boleh dihasilkan daripada sumber petroleum?

- I Bahan penurap jalan raya
- II Bahan api kenderaan bermotor
- III Bahan mentah getah tiruan
- IV Bahan mentah industri piuter
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

|                                                                               |
|-------------------------------------------------------------------------------|
| <p><b><i>Hutan Hujan Tropika</i></b></p> <p><b><i>Hutan Paya Laut</i></b></p> |
|-------------------------------------------------------------------------------|

10 Apakah persamaan kepentingan sumber tersebut?

- A Aktiviti pertanian
- B Kegiatan akuakultur
- C Menyederhanakan suhu
- D Menjana hidroelektrik

**BAHAGIAN B: KEMAHIRAN**

Soalan 1 hingga soalan 5 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2012. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.


- 1 (a) Namakan bukit tertinggi yang terdapat di bahagian utara garisan Utaraan 83 dalam peta.  
 ..... [1 markah]

- (b) Nyatakan Rujukan Grid Enam Angka bukit tertinggi itu.  
 .....

- 2 (a) Kira bearing Bukit Kayan (RG 151839) dari tokong Ladang Tiga (RG 168896)? [2 markah]  
 .....

- 3 (a) Berapakah jarak jalan kereta api dari persimpangan di RG 103832 ke RG 116780? [ 2 markah]  
 ..... [ 2 markah]

4



- (a) Pola petempatan yang terdapat dalam segi empat grid di atas ialah  
 .....

- (b) Nyatakan selang kontur yang terdapat dalam peta. [ 2 markah ]  
 .....

- (c) Senaraikan dua ciri fizikal yang terdapat di RG 1284 [1 markah]  
 .....

- (i) .....  
 (ii) .....

- [2 markah ]

- 5 (a) Berdasarkan bukti pada peta, nyatakan lima fungsi Bandar Wawasan.

- (i) .....  
 (ii) .....  
 (iii) .....  
 (iv) .....  
 (v) .....

[ 5 markah ]

( b)      Mengapakah Bandar Wawasan tidak berkembang ke arah timur laut?

(i)      .....

(ii)     .....

(iii)    .....

[ 3 markah ]

**BAHAGIAN C: STRUKTUR**

Berdasarkan Foto 1 di bawah menunjukkan satu fenomena alam yang sering melanda Malaysia.

| IPU          | Status IPU         |
|--------------|--------------------|
| 0 – 50       | Baik               |
| 51 – 100     | Sederhana          |
| 101 – 200    | Tidak Sihat        |
| 201 – 300    | Sangat Tidak Sihat |
| 301 – 500    | Berbahaya          |
| Melebihi 500 | Kecemasan          |

*Bacaan Indeks Pencemaran Udara*



Foto 1

(a) Namakan fenomena alam dalam Foto 1 di atas?

..... [1 markah]

(b) Nyatakan faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena yang dinyatakan dalam soalan (a) di atas.

.....  
 .....  
 ..... [3 markah]

c) Mengapakah kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia mengalami fenomena tersebut lebih teruk berbanding Pantai Timur Semenanjung Malaysia?

.....  
 ..... [2 markah]

d) Sekiranya tahap bacaan IPU melebihi 500, apakah kesannya kepada manusia dan alam sekitar ?

.....  
 ..... [2 markah]

(e) Sekiranya anda sebagai pegawai Jabatan Alam Sekitar, bagaimanakah kesan fenomena seperti Foto 1 dapat dikurangkan?

.....  
 ..... [2 markah]

**BAHAGIAN D : ESEI**



*'Sumber pantai dan marin amat penting kepada kehidupan manusia'*

(a) Merujuk kepada foto di atas. Apakah langkah pengurusan yang boleh diambil oleh negara berkenaan dalam memastikan bekalan sumber air bersih untuk keperluan penduduk negaranya mencukupi?

[ 6 markah]

(b) Mengapakah kawasan pantai dan marin di Malaysia semakin mendapat sambutan dalam kegiatan pelancongan terutamanya di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

[4 markah]



Foto 4

(c) Bagaimanakah aktiviti dalam Foto 4 di atas penting dalam membantu pembangunan negara Malaysia.

[6 markah]

(d) Jelaskan kesan kemusnahan kepelbagaian sumber biodiversiti kepada alam sekitar dan manusia.

[4 markah]